



LATIHAN: Lapan penuntut UMS dipilih menyertai latihan industri di Jepun.

Lapan penuntut UMS sertai latihan industri di Jepun UB 08.05.2023 P.08

Oleh Hamzah Sanudin

KOTAKINABALU: Institut Penyelidikan Marin Borneo (BMRI) serta Fakulti Sains dan Sumber Asli (FSSA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menghantar lapan penuntut Program Ijazah Akuakultur tahun akhir ke Jepun untuk menjalani latihan industri dalam bidang akuakultur.

Ketua Program Akuakultur BMRI UMS, Profesor Madya Dr Abentin Estim berkata, UMS berbangga dengan program latihan tersebut yang dilihat unik dan dapat mendedahkan penuntut kepada industri ini.

Katanya, ini adalah kumpulan ke-20 pelajar akuakultur yang mendapat manfaat

daripada program latihan kerjasama antara institusi dan industri di Jepun.

“Program ini bermula dari 3 Mei sehingga 25 Julai 2023 dan penuntut akan ditempatkan di Ladang Belut Nagasaki, Olive Suissan dan Koperasi Perikanan Tanoura yang terkenal dalam bidang akuakultur.

“Program ini dapat memberikan penuntut pengalaman praktikal dalam pelbagai kaedah akuakultur dan teknologi baharu dalam bidang ini.

“Kami tidak sabar untuk melihat penuntut berkenaan tamat latihan dan akan menggunakan pengetahuan mereka menyokong industri akuakultur di negeri ini,” katanya.

Bagi dua penuntut UMS, David Dexter dan Nur Aina Alisha berkata, mereka berasa bersyukur kerana menerima peluang ini daripada FSSA dan BMRI UMS.

“Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada BMRI dan FSSA kerana memberi peluang menyertai program amali ini.

“Daripada program ini, kami berharap dapat memperoleh lebih banyak pengalaman dan kemahiran dalam bidang akuakultur sambil meneroka budaya Jepun,” katanya.

Selain itu, katanya, mereka berharap orang lain juga boleh diberi peluang yang sama untuk merasai latihan praktikal industri ke luar negara.